

**TERMS AND CONDITIONS GOVERNING DUITNOW QR FOR MERCHANTS**  
**TERMA DAN SYARAT YANG MENTADBIR DUITNOW QR BAGI PEDAGANG**

**1.0 OVERVIEW**

- 1.1 AEON Bank is the Crediting Participant and Merchant is a registered Merchant under the DuitNow QR Services.
- 1.2 In consideration of the fees paid to the Crediting Participant, the Crediting Participant agrees to facilitate the participation of the Merchant in DuitNow QR Services in accordance with these Terms and Conditions, as amended from time to time and are binding on the Merchant. It includes all requirements, directives, regulations, guidelines and orders issued by the Crediting Participant and any authority having jurisdiction over the Crediting Participant, from time to time. These Terms and Conditions shall be read together with the AEON Bank Biz Application Terms and Conditions, and with the terms and conditions governing AEON Bank's other products and/or services which are available at the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Biz Application.
- 1.3 By registering for the DuitNow QR Services, the Merchant agrees to observe all Duitnow QR operating procedures issued by the DuitNow QR Owner & Operator which is applicable to the Merchant, as reflected in these Terms and Conditions including any future revisions communicated by the Crediting Participant to the Merchant.
- 1.4 In these Terms and Conditions, unless otherwise stated, all the terms and references shall bear the same meaning as designated to them in the Terms and Conditions of the AEON Bank Biz Application.
- 1.5 The Merchant is advised to read and understand these Terms and Conditions before accepting them. The Merchant is deemed to have accepted these Terms and Conditions digitally.
- 1.6 In the event of any conflict in the interpretation and translation of these Terms and Conditions in any language, the English version of these Terms and Conditions shall prevail.

**2.0 DEFINITION & INTERPRETATIONS**

- 2.1 The following terms and expressions shall apply to these Terms and Conditions, unless the context requires otherwise:

**"Access Codes"** refers to the username and/or PIN and/or such other confidential authentication information that is required to access and/or use DuitNow QR Service, whether in the form of words, codes, numbers, sets of characters or biological input or such other form or combination, as may be prescribed by the Bank from time to time.

**"Account(s)"** refers to an E-money account offered by issuers of E-money and all types of banking accounts offered by banks, except for fixed deposit accounts. This shall include, but is not limited to, all types of conventional and/or Islamic investment accounts, current accounts, virtual internet accounts, and/or Islamic investment account. Additionally, means all line of credit accounts tied to payment cards where transaction is made.

**1.0 RINGKASAN**

- 1.1 AEON Bank ialah Peserta Pengkreditan dan Pedagang ialah Pedagang berdaftar di bawah Perkhidmatan DuitNow QR.
- 1.2 Sebagai balasan fi yang dibayar kepada Peserta Pengkreditan, Peserta Pengkreditan bersetuju untuk memudahkan penyertaan Pedagang dalam Perkhidmatan DuitNow QR mengikut Terma dan Syarat ini, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa dan mengikat Pedagang. Ia termasuk semua keperluan, arahan, peraturan, garis panduan dan perintah yang dikeluarkan oleh Peserta Pengkreditan dan mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Peserta Pengkreditan, dari semasa ke semasa. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat Aplikasi AEON Bank Biz, dan dengan terma dan syarat yang mentadbir produk dan/atau perkhidmatan kami yang lain yang boleh didapati di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank Biz.
- 1.3 Dengan mendaftar Perkhidmatan DuitNow QR, Pedagang bersetuju untuk mematuhi semua prosedur operasi DuitnowQR yang dikeluarkan oleh Pemilik & Pengendali DuitNow QR yang terpakai kepada Pedagang, seerti yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini termasuk sebarang semakan masa hadapan yang akan dimaklumkan oleh Peserta Pengkreditan kepada Pedagang.
- 1.4 Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan dinyatakan sebaliknya, semua terma dan rujukan mempunyai maksud yang sama sepertimana dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Aplikasi AEON Bank Biz.
- 1.5 Pedagang dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menerimanya. Pedagang dianggap telah menerima Terma dan Syarat ini secara digital.
- 1.6 Sekiranya berlaku sebarang percanggahan dalam penafsiran dan terjemahan Terma dan Syarat ini dalam mana-mana bahasa, versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

**2.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN**

- 2.1 Terma dan ungkapan berikut akan terpakai kepada Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya.

**"Kod Akses"** bermaksud nama pengguna dan/atau PIN dan/atau maklumat pengesahan sulit lain yang diperlukan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan QR DuitNow, sama ada dalam bentuk perkataan, kod, nombor, set aksara atau input biologi atau bentuk atau gabungan lain, seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**"Akaun"** bermaksud Akaun e-Dompot yang ditawarkan oleh Pengendali e-Dompot dan semua jenis akaun perbankan yang ditawarkan oleh bank, kecuali akaun deposit tetap. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua jenis akaun pelaburan konvensional dan/atau Islamik, akan semasa, akaun internet maya, dan/atau akaun pelaburan Islamik. Selain itu, ini bermaksud semua akaun kemudahan kredit yang terikat dengan kad pembayaran di mana transaksi dibuat.

**“AEON Bank” or “Bank”** refers to AEON Bank (M) Berhad (Registration No. 202201026163 (1471860-K)).

**“AEON Bank Biz Application”** refers to the Mobile Application and/or AEON Bank Website that is used to access AEON Business Banking Services.

**“AEON Bank Biz Application Terms and Conditions”** refers to the terms and conditions of the AEON Bank Biz Application.

**“AEON Bank Website”** refers to the Bank’s webpage where it consists of further details of the Bank’s AEON Business Banking Services which can be used to access through Mobile Devices at any time.

**“AEON Business Banking Services”** refers to the Bank’s facilities, products and services that are made available to AEON Bank customers that can be accessed through the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Biz Application.

**“Beneficiary of Fraud”** means party who ultimately benefits from the unauthorised or fraudulent payment.

**“BNM”** refers to Bank Negara Malaysia.

**“Business Days”** refers to any calendar day from Monday to Friday, on which we are open for business in Malaysia but does not include any public holiday or bank holiday in Kuala Lumpur.

**“Crediting Participant”** refers to AEON Bank.

**“Debiting Participant”** refers to banks and E-Money issuers participating in RPP where the Payer maintains accounts.

**“DuitNow”** refers to an overlay service of RPP, which includes DuitNow QR Service and DuitNow ID, which allows the Merchant to initiate and receive credit transfer.

**“DuitNow QR Brand”** means brand, icon, logo, trademark and service mark for the DuitNow QR.

**“DuitNow ID”** refers to an identifier of an account holder such as a mobile number, NRIC, passport number, army number or police number (in the case of an individual) or business registration number (in the case of a corporate customer) or any other identifiers as may be introduced by the DuitNow QR Owner & Operator from time to time.

**“DuitNow QR Service”** refers to the service owned by the DuitNow Owner & Operator which facilitates industry wide payments or transfers by scanning the QR code which complies with DuitNow National QR Code Standard.

**“DuitNow National QR Code Standard”** refers to the specification developed and managed by the DuitNow Operator for domestic interoperable QR use cases.

**“AEON Bank” atau “Bank”** bermaksud AEON Bank (M) Berhad (No. Pendaftaran 202201026163 (1471860-K)).

**“Aplikasi AEON Bank Biz”** bermaksud Aplikasi Mudah Alih dan/atau Laman Web AEON Bank yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Perniagaan AEON.

**“Terma dan Syarat Aplikasi AEON Bank Biz”** bermaksud terma dan syarat Aplikasi AEON Bank Biz.

**“Laman Web AEON Bank”** bermaksud laman web Bank di mana ia mengandungi butiran lanjut tentang Perkhidmatan Perbankan Perniagaan AEON yang boleh diakses melalui Peranti Mudah Alih pada bila-bila masa.

**“Perkhidmatan Perbankan Perniagaan AEON”** bermaksud kemudahan, produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan AEON Bank yang boleh diakses melalui Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank Biz.

**“Benefisiari Penipuan”** bermaksud pihak yang akhirnya mendapat manfaat daripada pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan.

**“BNM”** bermaksud Bank Negara Malaysia.

**“Hari Perniagaan”** bermaksud mana-mana hari calendar dari Isnin hingga Jumaat, di mana kami dibuka untuk peniagaan di Malaysia, tetapi tidak termasuk cuti umum atau cuti bank di Kuala Lumpur.

**“Peserta Pengkreditan”** bermaksud AEON Bank.

**“Peserta Pendebitan”** bermaksud bank-bank dan pengendali-pengendali e-Dompet yang mengambil bahagian dalam RPP di mana Pembayar mengekalkan akaun.

**“DuitNow”** bermaksud perkhidmatan tindakan RPP, termasuk Perkhidmatan DuitNow QR dan ID DuitNow, yang membolehkan Pedagang untuk memulakan dan menerima pemindahan kredit.

**“Jenama DuitNow QR”** bermaksud jenama, ikon, logo, tanda dagangan dan tanda perkhidmatan untuk DuitNow QR.

**“ID DuitNow”** bermaksud pengenal pasti pemilik akaun seperti nombor telefon, NRIC, nombor pasport, nombor tentera atau nombor polis (dalam kes individu) atau nombor pendaftaran perniagaan (dalam kes pelanggan korporat) atau sebarang pengenal pasti lain yang mungkin diperkenalkan oleh Pemilik & Pengendali DuitNow QR dari semasa ke semasa.

**“Perkhidmatan DuitNow QR”** bermaksud perkhidmatan milik Pemilik & Pengendali DuitNow yang memudahkan pembayaran atau pemindahan melalui pengimbasan QR yang mematuhi Piawaian Kod QR Nasional DuitNow.

**“Piawaian Kod QR Nasional DuitNow”** bermaksud spesifikasi yang dibangunkan dan diuruskan oleh Pemilik & Pengendali DuitNow untuk kes penggunaan QR saling boleh kendali domestik.

**“DuitNow QR Owner & Operator” or “PayNet”** refers to Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (Registration No.: 200801035403 (836743-D)).

**“Merchant”** refers to individuals, business including sole proprietors, partnerships and companies registered with Companies Commission of Malaysia, government agencies, statutory bodies, societies and other similar legal entities registered and onboarded with AEON Bank to accept payments from its customers.

**“Mobile Application”** refers to an application which you may download and install via iOS or Android Mobile Devices to receive push notification and/or to perform selected AEON Business Banking Services.

**“Mobile Device”** refers to any mobile electronic or telecommunication device, including without limitation, mobile phones, smartphones, laptops or tablets, that may be used to access the AEON Bank Biz Application.

**“Payer”** means individuals, companies, body corporates, businesses (including sole proprietors and partnerships), government agencies, statutory bodies, societies and other customers who transfers funds via DuitNow QR Service.

**“Personal Data”** refers to any information in respect of commercial transactions that relate directly or indirectly to an individual, who is identified or identifiable from that information which includes, but not limited to, name, address, identification card number, banking information, contact details as well as any sensitive personal data which the Bank may collect from the Merchant or Payers from time to time.

**“Privacy Notice”** refers to the Bank’s policies and principles pertaining to the collection, use and storage of personal information, which can be found on the AEON Bank Website and/or the AEON Bank Biz Application, as amended from time to time.

**“QR”** refers to Quick Response in reference to QR use cases.

**“QR Payments”** refers to payments made to the Merchant using the Payer’s mobile application which supports DuitNow QR. The Payer makes a payment by scanning the Merchant’s QR Code and payment will be deducted from the Payer’s account and paid directly into the Merchant’s Account.

**“QR Code”** refers to a two-dimensional barcode that can be read using the camera of a smartphone or mobile device that is equipped with a QR reader.

**“RPP”** means Real-Time Retail Payments Platform, a shared payment infrastructure developed and established by PayNet, which facilitates instant and interoperable payments and collections.

**“Pemilik & Pengendali DuitNow QR” atau “PayNet”** bermaksud Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 200801035403 (836743-D)).

**“Pedagang”** bermaksud individu, perniagaan termasuk pemilikan Tunggal, perkongsian atau syarikat yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan entity lain yang serupa yang berdaftar dengan dan menyertai AEON Bank untuk menerima pembayaran daripada pelanggannya.

**“Aplikasi Mudah Alih”** bermaksud aplikasi yang boleh di muat turun dan pasang melalui Peranti Mudah Alih iOS atau Android untuk menerima paparan notifikasi dan/atau melaksanakan Perkhidmatan Perbankan Perniagaan AEON.

**“Peranti Mudah Alih”** bermaksud mana-mana peranti elektronik atau telekomunikasi mudah alih, termasuk tanpa had, telefon mudah alih, telefon pintar, computer riba atau tablet, yang boleh digunakan untuk mengakses Aplikasi AEON Bank Biz.

**“Pembayar”** bermaksud individu, syarikat, badan korporat, perniagaan (termasuk pemilik Tunggal dan perkongsian), agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan pelanggan lain yang membuat pemindahan dana melalui Perkhidmatan Duitnow QR.

**“Data Peribadi”** bermaksud sebarang maklumat berkenaan dengan transaksi komersial yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seseorang individu, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, nombor kad pengenalan, maklumat perbankan, butiran hubungan serta sebarang data peribadi sensitif yang mungkin dikumpulkan oleh Bank daripada Pedagang atau Pembayar dari semasa ke semasa.

**“Notis Privasi”** bermaksud dasar dan prinsip Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi, yang boleh didapati di Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank Biz, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

**“QR”** bermaksud Respons Pantas yang merujuk kepada kes penggunaan QR.

**“Pembayaran QR”** bermaksud pembayaran yang dibuat kepada Pedagang menggunakan aplikasi mudah alih Pembayar yang menyokong DuitNow QR. Pembayar membuat pembayaran dengan mengimbas Kod QR Pedagang dan bayaran akan ditolak daripada akaun Pembayar dan dibayar terus ke Akaun Pedagang.

**“Kod QR”** bermaksud kod dua dimensi yang boleh dibaca menggunakan kamera telefon pintar atau peranti mudah alih yang dilengkapi dengan pembaca QR.

**“RPP”** bermaksud *Real-Time Retail Payments Platform*, infrastruktur pembayaran bersama yang dibangunkan dan ditubuhkan oleh PayNet, yang memudahkan pembayaran serta kutipan serta-merta dan saling beroperasi.

**“Shariah”** refers to Shariah standards as determined from time to time by the rulings of the Shariah Advisory Council of BNM and advice of the Bank’s Shariah Committee. The parties agree that its respective rights and obligations herein are intended to be and in conformity with Shariah as determined from time to time by the rulings and Shariah standards of the Shariah Advisory Council of BNM and the Bank’s Shariah Committee.

**“Shariah Advisory Council”** refers to the Shariah Advisory Council of BNM.

**“Shariah Committee”** refers to the Bank’s Shariah committee.

**“Static QR Code”** refers to the QR Code that is pre-generated for display and usually has no expiry. Static QR generally requires the payer/sender to key-in the amount of the payment or credit transfer.

**“Unrecoverable Loss”** means the portion of funds transferred and credited to the wrong party due to erroneous, mistaken, unauthorised or fraudulent payments that cannot be retrieved after Participants have exhausted the recovery of funds process.

**“Syariah”** bermaksud piawaian Syariah seperti yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM dan nasihat Jawatankuasa Syariah Bank. Pihak-pihak bersetuju bahawa hak dan kewajiban di sini adalah bertujuan untuk menjadi dan selaras dengan Syariah seperti yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh ketetapan dan piawaian Syariah Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah Bank.

**“Majlis Penasihat Syariah”** bermaksud Majlis Penasihat Syariah BNM.

**“Jawatankuasa Syariah”** bermaksud jawatankuasa Syariah Bank.

**“Kod QR Statik”** bermaksud Kod QR yang dikeluarkan lebih awal untuk ditunjukkan dan biasanya tidak mempunyai tarikh luput. QR Statik biasanya memerlukan pembayar atau penghantar untuk memasukkan jumlah bayaran atau pindahan kredit.

**“Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula”** bermaksud bahagian dana yang dipindahkan dan dikreditkan kepada pihak yang salah disebabkan oleh pembayaran yang salah, tersilap, tanpa kebenaran atau penipuan yang tidak boleh dipungut semula selepas Peserta telah menghabiskan proses pemungutan semula dana.

<p>2.2 Words importing the singular shall include the plural and vice versa.</p> <p>2.3 Words importing the masculine gender shall include the feminine and neuter genders and vice versa.</p> <p>2.4 All references to provisions of statutes include subsidiary legislation and all modifications, re-certification and re-enactment of or to such statutes and subsidiary legislations from time to time and for the time being in force.</p>	<p>2.2 Perkataan yang membawa maksud tunggal adalah termasuk jamak dan sebaliknya.</p> <p>2.3 Perkataan yang membawa maksud jantina maskulin adalah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.</p> <p>2.4 Semua rujukan kepada peruntukan statut termasuk perundangan subsidiari dan semua pengubahsuaian, pensijilan semula dan penggubalan semula atau kepada statut seumpamanya dan perundangan subsidiari dari masa ke semasa dan buat masa ini sedang berkuatkuasa.</p>
<p>3.0 ACCOUNT INFORMATION</p>	<p>3.0 INFORMASI AKAUN</p>
<p>3.1 In order for the Merchant to receive funds through the DuitNow QR Service, the Merchant must first register for the DuitNow Service using their Account in the AEON Bank Biz Application via Payment Settings. The Merchant is prohibited from using any Account which does not belong to the Merchant.</p> <p>3.2 The Merchant shall ensure that all details and particulars required to be submitted during the DuitNow QR Service registration are correct and complete. The Merchant agrees that it shall be responsible for the accuracy of the information on the DuitNow QR Code prior to receiving any payments.</p> <p>3.3 The Merchant agrees that the Bank may debit the Merchant’s Account for service charges and/or any other related charges or taxes payable as a result of the use of the DuitNow QR Service.</p>	<p>3.1 Untuk membolehkan Pedagang menerima dana melalui Perkhidmatan DuitNow QR, Pedagang perlu mendaftar untuk Perkhidmatan DuitNow QR terlebih dahulu menggunakan Akaun mereka melalui Aplikasi AEON Bank Biz menerusi Tetapan Pembayaran. Pedagang dilarang untuk menggunakan apa-apa Akaun yang bukan milik Pedagang.</p> <p>3.2 Pedagang perlu memastikan semua butiran yang perlu dikemukakan semasa pendaftaran Perkhidmatan DuitNow QR Adalah betul dan lengkap. Pedagang bersetuju bahawa ia bertanggungjawab ke atas ketepatan maklumat pada Kod DuitNow QR sebelum menerima sebarang pembayaran.</p> <p>3.3 Pedagang bersetuju bahawa Bank boleh mendebit Akaun Pedagang untuk fi perkhidmatan dan/atau apa-apa caj atau cukai berkaitan yang lain yang perlu dibayar akibat daripada penggunaan Perkhidmatan DuitNow QR.</p>

<p>3.4 The Bank does not warrant the accuracy of any information pertaining to Merchant's Account(s), or transactions as reported through the DuitNow QR Service due to time delays, glitches and other similar system delays and/or errors that may occur. The Merchant is advised to regularly review any alerts, statements or notices issued or made available by the Crediting Participant, to ensure there are no errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorised items or transactions, regularly and from time to time.</p>	<p>3.4 Bank tidak menjamin ketepatan sebarang maklumat berkaitan dengan Akaun Pedagang, atau transaksi seperti yang dilaporkan melalui Perkhidmatan DuitNow QR disebabkan oleh kelewatan masa, gangguan dan kelewatan sistem dan/atau kesilapan lain yang serupa yang mungkin berlaku. Pedagang dinasihatkan untuk sentiasa menyemak sebarang makluman, penyata atau notis yang dikeluarkan atau disediakan oleh Peserta Pengkreditan, untuk memastikan tiada kesilapan, ketakteraturan, percanggahan, tuntutan atau transaksi yang tidak dibenarkan, secara kerap dan dari semasa ke semasa.</p>
<p><b>4.0 PERSONAL AND BUSINESS RELATED INFORMATION</b></p>	<p><b>4.0 MAKLUMAT BERKAITAN DENGAN PERIBADI DAN PERNIAGAAN</b></p>
<p>4.1 The Merchant must be 18 years of age or above and must provide true, correct and accurate personal and business information to the Bank which includes information pertaining to their name, NRIC, mobile number, nationality, address, nature of business, business name and account. In the event there are any changes to the information, the Merchant shall update the information via the AEON Bank Biz Application and/or notify the Bank immediately by means acceptable to the Bank.</p>	<p>4.1 Pedagang mestilah berumur 18 tahun ke atas dan mesti memberikan maklumat peribadi dan perniagaan yang benar, betul dan tepat kepada Bank, yang merangkumi maklumat berkaitan dengan nama, No. K/P, nombor telefon bimbit, kewarganegaraan, Alamat, jenis perniagaan, nama perniagaan dan akaun mereka. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat, Pedagang hendaklah mengemaskini maklumat tersebut melalui Aplikasi AEON Bank Biz dan/atau memberitahu Bank dengan segera melalui cara yang boleh diterima oleh Bank.</p>
<p>4.2 The Merchant acknowledges that the Bank shall not be liable to the Merchant for any loss or damage that may arise due to the Merchant's negligence, failure or delay to keep the Bank and/or the Payers updated as to any changes to information.</p>	<p>4.2 Pedagang mengakui bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pedagang ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiannya, kegagalan atau kelewatan untuk memberitahu Bank dan/atau Pembayar tentang sebarang perubahan pada maklumat.</p>
<p>4.3 The Merchant agrees and consents to the collection, use, process and disclosure of the Merchant's Personal Data (which includes all information provided by the Merchant pursuant to Clause 4.1) by the Bank, including its affiliates and service providers, and the DuitNow QR Owner &amp; Operator, as required for the purposes of effecting and discharging the DuitNow QR Service and in accordance with the Privacy Notice.</p>	<p>4.3 Pedagang bersetuju dan mengizinkan pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan Data Peribadi Pedagang (yang merangkumi semua maklumat yang diberikan oleh Pedagang menurut Klausula 4.1) oleh Bank, termasuk sekutu dan pembekal perkhidmatannya, dan Pemilik &amp; Pengendali DuitNow QR, seperti yang diperlukan untuk tujuan melaksanakan dan menunaikan Perkhidmatan DuitNow QR dan menurut Notis Privasi.</p>
<p>4.4 The Merchant shall observe all security measures as may be prescribed by the Bank from time to time relating to the DuitNow QR Service and take all reasonable precautions and diligence to prevent any unauthorized use of the DuitNow QR Service and their Mobile Devices including but not limited to the following measures:-</p> <p>(a) Ensure sufficient measures are in place in safeguarding the Mobile Device and Access Codes from being lost, stolen or used negligently or recklessly;</p> <p>(b) Check the Account details and transactions and report any discrepancy without undue delay; and</p> <p>(c) Ensure that correct information is provided to the Bank when requesting for the generation of DuitNow QR Code, such as Account number, name, e-mail address and mobile number.</p>	<p>4.4 Pedagang bersetuju untuk mematuhi semua langkah keselamatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR dan mengambil semua langkah keselamatan yang munasabah dan dengan ketekunan untuk mencegah sebarang penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan DuitNow QR dan Peranti Mudah Alih mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada langkah-langkah berikut:</p> <p>(a) Pastikan langkah-langkah yang mencukupi tersedia untuk melindungi Peranti Mudah Alih dan Kod Akses daripada hilang, dicuri atau digunakan secara cuai atau melulu;</p> <p>(b) Semak butiran dan transaksi Akaun dan laporkan sebarang percanggahan tanpa kelewatan yang tidak wajar; dan</p> <p>(c) Pastikan maklumat yang betul diberikan kepada Bank apabila meminta penjana Kod DuitNow QR, seperti nombor Akaun, nama, alamat emel dan nombor telefon bimbit.</p>
<p>4.4 Should the Merchant have any reason to believe or suspects that their Mobile Devices or Access Codes have been misused</p>	<p>4.4 Sekiranya Pedagang mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa Peranti Mudah alih</p>

and/or compromised, the Merchant must inform the Bank immediately and take the necessary steps to mitigate the impact of such misuse and/or compromise, including recreate a new Access Code, where necessary. The Merchant agree that the Bank has the right to invalidate their Access Code for breach or potential breach of any terms herein, or of any laws and/or regulations and/or to ensure or maintain the security of the DuitNow QR Service and its users where the Bank deems reasonably appropriate. The Bank shall not be liable for any loss or damage suffered as a result of such invalidation of their Access Code.

atau Kod Akses mereka telah disalahgunakan dan/atau dikompromi, Pedagang perlu memberitahu Bank dengan segera dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan kesan penyalahgunaan dan/atau kompromi tersebut, termasuk mencipta semula Kod Akses yang baru, jika perlu. Pedagang bersetuju bahawa Bank berhak untuk membatalkan Kod Akses mereka oleh sebab pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran terma-terma di sini, atau sebarang undang-undang dan/atau peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan DuitNow QR dan penggunaannya di mana Bank menganggap semunasabahnya sesuai. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami akibat pembatalan Kod Akses mereka.

## 5.0 OBLIGATIONS OF MERCHANT

## 5.0 KEWAJIPAN PEDAGANG

- |   |  |
|---|--|
| <p>5.1 If the Merchant wishes to receive funds via the DuitNow QR Service, the Merchant:</p> <p>(a) Shall not impose any fees for point-of-sale (POS) payments made by Payers using DuitNow QR Service; and</p> <p>(b) Shall not deduct any RPP fees from the Cash Out withdrawal and ensure the Payer is paid in full amount.</p> <p>5.2 The Merchant shall accept Payments or Cash Out that draw funds from E-Money account offered by issuers of E-Money and all types of deposit accounts offered by banks, except for fixed deposit accounts. This shall include, but is not limited to, all types of conventional and/or Islamic investment account, Islamic deposit accounts, current accounts, virtual internet accounts and/or line of credit accounts tied to payment cards.</p> <p>5.3 The Merchant must not make any warranty or representation in respect of goods or services supplied which may bind the Crediting Participant, DuitNow QR Owner &amp; Operator, Debiting Participant, or any other Participants in the service.</p> <p>5.4 The Merchant must establish and maintain a fair policy for correction of errors and facilitate recovery of funds for erroneous or mistaken payments and/or unauthorised or fraudulent payments.</p> <p>5.5 The Merchant shall consent and allow the Crediting Participant to disclose its information pertaining to the payment processes as the DuitNow QR Owner &amp; Operator may reasonably require for DuitNow QR Services.</p> <p>5.6 The Merchant who has been granted a non-transferable license to use the DuitNow QR Brand shall not license or assign the right to use to any other party. The Merchant shall comply with the DuitNow Brand Guidelines at all times.</p> <p>5.7 For the purpose of Clause 5.6, the Merchant will be liable for any claims, damages and expenses arising out of or caused to</p> | <p>5.1 Jika Pedagang ingin menerima dana melalui Perkhidmatan DuitNow QR, Pedagang:</p> <p>(a) Hendaklah tidak mengenakan sebarang fi untuk pembayaran tempat jualan yang dibuat oleh Pembayar menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR; dan</p> <p>(b) Hendaklah tidak menolak sebarang fi RPP daripada Pengeluaran Wang Tunai dan memastikan Pembayar dibayar dalam jumlah penuh.</p> <p>5.2 Pedagang hendaklah menerima Pembayaran atau Pengeluaran Wang Tunai yang mengeluarkan dana dari Akaun e-Dompet yang ditawarkan oleh pengendali e-Dompet dan semua jenis akaun deposit yang ditawarkan oleh bank, kecuali akaun deposit tetap. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua jenis akaun pelaburan konvensional dan/atau Islamik, akaun deposit Islamik, akaun semasa, akaun internet maya dan/atau akaun kemudahan kredit yang terikat dengan kad pembayaran.</p> <p>5.3 Pedagang mesti tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan yang mungkin mengikat Peserta Pengkreditan, Pemilik &amp; Pengendali DuitNow QR, Peserta Pendebitan atau mana-mana Peserta lain dalam perkhidmatan.</p> <p>5.4 Pedagang mesti mewujudkan dan mengekalkan dasar yang adil untuk membetulkan kesilapan dan memudahkan pemulihan dana untuk pembayaran yang salah atau tersilap dan/atau pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan.</p> <p>5.5 Pedagang hendaklah bersetuju kepada dan membenarkan Peserta Pengkreditan mendedahkan maklumatnya berkaitan dengan proses pembayaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemilik &amp; Pengendali DuitNow QR untuk Perkhidmatan DuitNow QR.</p> <p>5.6 Pedagang yang telah diberikan lesen tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Jenama DuitNow QR tidak boleh melesenkan atau menyerahkan hak guna tersebut kepada manamana pihak ketiga yang lain. Pedagang hendaklah mematuhi Garis Panduan Jenama DuitNow pada setiap masa.</p> <p>5.7 Bagi tujuan Klausula 5.7, Pedagang akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, ganti rugi dan perbelanjaan yang</p> |
|---|--|

arise from misuse or unauthorised usage of the DuitNow QR Brand. In the event of such breach, the Merchant sub-licensed rights of using the DuitNow QR Brand shall be automatically revoked and ceases immediately, whereupon these Terms and Conditions shall be terminated henceforth, without affecting accrued rights of parties. Upon termination, Clause 5.9 shall apply accordingly.

5.8 The Merchant must use the DuitNow QR Service responsibly and shall ensure the information provided and activities conducted through the DuitNow QR Service shall not:

- (a) Be false, inaccurate or misleading;
- (b) Be fraudulent or involved in the sale of counterfeit, illegal or stolen goods;
- (c) Consist of providing illegal money lending;
- (d) Infringe on any third party's copyright, patent, trademark, trade secret or other property rights or rights of publicity or privacy;
- (e) Violate any applicable terms and conditions, law, statute, ordinance, contract or regulation (including, but not limited to, those governing financial services, consumer protection, unfair competition, anti-discrimination or false advertising);
- (f) Be defamatory, trade libel, unlawfully threatening or unlawful harassing; or
- (g) Be related to any unlawful, illegal, unauthorised or Shariah non-compliant activities.

If there is any use or attempt to use the DuitNow QR Service for any type of unlawful purposes (including but not limited to the above), the Merchant's access to the DuitNow QR Service will be terminated and the Merchant may be subjected to damages and/or penalties, including criminal prosecution where applicable.

5.9 This Clause 5 shall survive termination of this Terms. Termination does not affect either party's rights accrued, and obligations incurred before termination.

## 6.0 OBLIGATIONS OF CREDITING PARTICIPANT

6.1 The Crediting Participant shall immediately credit and make funds available in the Merchant's Account, except for situations where the Merchant has specifically agreed for delayed or batched posting.

6.2 Any refunds by the Crediting Participant must be made together with transaction fees to the Merchant if fees were incurred due to Payer's disputes that are not caused by the Merchant. However, if the Merchant opts to partially refund

timbul daripada atau disebabkan oleh penyalahgunaan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Jenama DuitNow QR. Sekiranya berlaku pelanggaran sedemikian, hak sublesen Pedagang untuk menggunakan Jenama DuitNow QR akan secara automatik dibatalkan dan dihentikan dengan segera, dan seterusnya Terma dan Syarat ini ditamatkan, tanpa menjejaskan hak terakru mana-mana pihak. Selepas penamatan, Klausula 5.9 hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

5.8 Pedagang perlu menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR secara bertanggungjawab dan memastikan maklumat yang diberikan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui Perkhidmatan DuitNow QR tidak:

- (a) Palsu, tidak tepat atau mengelirukan;
- (b) Berlaku penipuan atau terlibat dalam penjualan barangan tiruan, haram atau curi;
- (c) Terdiri daripada penyediaan pinjaman wang haram;
- (d) Melanggar hak cipta, paten, tanda dagangan, rahsia dagangan atau hak harta lain atau hal publisiti atau privasi mana-mana pihak ketiga;
- (e) Melanggar mana-mana terma dan syarat, undang-undang, statut, ordinar, kontrak atau peraturan yang terpakai (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mereka yang mengawal perkhidmatan kewangan, perlindungan pengguna, persaingan tidak adil, anti-diskriminasi atau pengiklanan palsu);
- (f) Menjadi fitnah, libel perdagangan, mengancam atau serangan yang menyalahi undang-undang;
- (g) Berkaitan dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, tidak sah, tanpa kebenaran atau aktiviti tidak patuh Syariah.

Jika terdapat sebarang penggunaan atau percubaan untuk menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR untuk apa-apa jenis tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara di atas), akses Pedagang kepada Perkhidmatan DuitNow QR akan ditamatkan dan Pedagang berkemungkinan untuk dikenakan ganti rugi dan/atau penalty, termasuk pendakwaan jenayah jika berkenaan.

5.10 Klausula 5 ini akan kekal selepas penamatan Terma dan Syarat ini. Penamatan tidak akan menjejaskan hak mana-mana pihak yang terakru sebelum tarikh penamatan.

## 6.0 KEWAJIPAN PESERTA PENGKREDITAN

6.1 Peserta Pengkreditan hendaklah dengan serta merta mengkreditkan dan menyediakan dana dalam Akaun Pedagang, kecuali dalam situasi di mana Pedagang telah bersetuju secara khusus untuk pengeposan tertunda atau berkumpulan.

6.2 Sebarang bayaran balik oleh Peserta Pengkreditan mesti dibuat Bersama-sama dengan fi transaksi kepada Pedagang jika fi ditanggung disebabkan oleh pertikaian Pembayar yang bukan disebabkan oleh Pedagang. Walaubagaimanapun, jika Pedagang memilih untuk membayar balik sebahagian

overpayments to Payers, the Merchant shall bear the transaction fees for executing such refund.

6.3 The Crediting Participant shall implement reasonable measures to detect, mitigate, resolve and prevent actual and suspected fraudulent or unauthorised acts.

## 7.0 PAYMENT TERMS

7.1 The Merchant agrees and accepts that any instructions given by the Merchant in respect of Merchant's Account or any other transaction, using the DuitNow QR Service shall at all times be subject to such limits and conditions as may be fixed or specified by the Crediting Participant from time to time.

7.2 The Crediting Participant reserves the right to refuse to carry out any instruction from the Merchant in respect of the Merchant's Account or any other transaction using the DuitNow QR Service where the instructions are inconsistent with the Crediting Participant's policy or laws or for any other reason.

7.3 The Merchant shall ensure it has and maintains adequate procedures and systems for receiving QR Payments. In the event that the Crediting Participant is unable to credit the payment into the Merchant's Account due to the Merchant's Account being invalid, inactive or closed, the Credit Participant shall not be held liable in any manner for the delay in payment. The Merchant is responsible to ensure that it maintains an active account at all times.

## 8.0 RECOVERY OF FUNDS

8.1 The Merchant shall:

- (a) Assist the Crediting Participant in any investigation of erroneous or mistaken payments as stated in Clause 9;
- (b) Assist the Crediting Participant in any investigation on unauthorised or fraudulent payments as stated in Clause 10; and
- (c) Effect refund(s) to the Payers, Debiting Participants, as the case may be, if it is found that the Merchant is responsible for such erroneous, mistaken, unauthorised or fraudulent payment, as the case may be.

8.2 In the event erroneous or mistaken payment is caused by the Merchant, after verification and confirmation from the Merchant with respect to such erroneous or mistaken payment, the Crediting Participant shall immediately reverse out all credits erroneously posted to the Merchant's Account regardless of whether funds have been recovered from other affected parties.

## 9.0 ERRONEOUS OR MISTAKEN DUITNOW QR TRANSACTION

daripada lebih bayaran kepada Pembayar, Pedagang hendaklah menanggung fi transaksi untuk melaksanakan pembayaran balik tersebut.

6.3 Peserta Pengkreditan perlu melaksanakan langkah-langkah yang munasabah untuk mengesan, mengurangkan, menyelesaikan dan mencegah perbuatan penipuan yang sebenar dan disyaki atau tanpa kebenaran.

## 7.0 TERMA PEMBAYARAN

7.1 Pedagang bersetuju dan menerima bahawa semua arahan yang diberikan oleh Pedagang berkaitan dengan Akaun Pedagang atau mana-mana transaksi lain, menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR hendaklah pada setiap masa tertakluk kepada had dan syarat yang mungkin ditetapkan atau ditentukan oleh Peserta Pengkreditan dari semasa ke semasa.

7.2 Peserta Pengkreditan berhak untuk menolak pelaksanaan apa-apa arahan daripada Pedagang berkenaan dengan Akaun Pedagang atau mana-mana transaksi lain menggunakan Perkhidmatan DuitNow QR di mana arahan tersebut tidak konsisten dengan polisi atau undang-undang Peserta Pengkreditan atau sebarang sebab lain.

7.3 Pedagang hendaklah memastikan ia mempunyai dan mengekalkan prosedur dan sistem yang mencukupi untuk penerimaan Pembayaran QR. Sekiranya Peserta Pengkreditan tidak dapat mengkreditkan pembayaran ke dalam Akaun Pedagang atas sebab Akaun Pedagang tidak sah, tidak aktif atau ditutup, Peserta Pengkreditan tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk kelewatan pembayaran. Pedagang bertanggungjawab untuk memastikan ia mengekalkan akaun yang aktif pada setiap masa.

## 8.0 PEMUNGUTAN SEMULA DANA

8.1 Pedagang hendaklah:

- (a) Membantu Peserta Pengkreditan dalam sebarang penyiasatan pembayaran yang salah atau tersilap seperti yang dinyatakan dalam Klausula 9;
- (b) Membantu Peserta Pengkreditan dalam sebarang penyiasatan mengenai pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 10;
- (c) Membuat bayaran balik kepada Pembayar, Peserta Pendebitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika didapati bahawa Pedagang bertanggungjawab untuk pembayaran yang salah, tersilap, tanpa kebenaran atau penipuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

8.2 Sekiranya pembayaran salah atau tersilap disebabkan oleh Pedagang, selepas penentuan dan pengesahan daripada Pedagang berkenaan dengan pembayaran yang salah atau tersilap tersebut, Peserta Pengkreditan hendaklah serta-merta menterbalikkan semua kredit yang tersilap diposkan ke Akaun Pedagang tanpa mengira sama ada dana telah dipungut semula daripada pihak lain yang terjejas.

## 9.0 TRANSAKSI DUITNOW QR YANG SALAH ATAU TERSILAP

- |   |   |
|---|---|
| <p>9.1 The Crediting Participant shall inform the Merchant once the Crediting Participant receives a request to recover funds that is wrongly credited to the Merchant due to an erroneous or mistaken payment. The Merchant must facilitate the recovery of funds process stated in Clause 9.2.</p>  | <p>9.1 Peserta Pengkreditan hendaklah memaklumkan kepada Pedagang sebaik sahaja Peserta Pengkreditan menerima permintaan untuk memungut semula dana yang salah dikreditkan kepada Pedagang disebabkan oleh pembayaran yang salah atau tersilap. Pedagang mesti memudahkan proses pemungutan semula dana yang dinyatakan dalam Klausula 9.2.</p>   |
| <p>9.2 Upon receiving a recovery of funds request for erroneous or mistaken payment, the Crediting Participant has the right to debit the Merchant's account to recover funds within five (5) Business Days provided the following conditions are met:</p> <p>(a) If the recovery of funds request is received within ten (10) Business Days from the date of the erroneous/mistaken payment:</p> <p>(i) The Crediting Participant is fully satisfied that funds were erroneously or mistakenly credited to the Merchant's Account;</p> <p>(ii) The Crediting Participant has notified the Merchant regarding the proposed debiting of Merchant's Account and the reason for the debiting; and</p> <p>(iii) There is sufficient balance in the Merchant's Account to cover the recovery amount.</p> <p>(b) If the recovery of funds request is received between eleven (11) Business Days and seven (7) months from the date of the erroneous/mistaken payment:</p> <p>(i) The Crediting Participant is fully satisfied that funds were erroneously or mistakenly credited to the Merchant's Account;</p> <p>(ii) The Crediting Participant has provided written notification to the Merchant where the erroneous/mistaken payment will be recovered through debiting the Merchant's Account within ten (10) Business Days of the notifications unless the Merchant provides reasonable evidence to substantiate ownership of the funds in question; and</p> <p>(iii) There is sufficient balance in the Merchant's Account.</p> <p>(c) If the recovery of funds request is received after seven (7) months from the date of the erroneous/mistaken payment:</p> <p>(i) The Crediting Participant must seek the Merchant's prior written consent to debit the Merchant's Account to recover funds, and the Merchant must give its consent to debit its Account within ten (10) Business Days of receiving the request to debit from the Credit Participant.</p> | <p>9.2 Apabila menerima permintaan untuk memungut semula dana untuk pembayaran yang salah atau tersilap, Peserta Pengkreditan mempunyai hak untuk mendebitkan Akaun Pedagang untuk memperoleh semula dana dalam tempoh lima (5) Hari Bekerja selepas syarat-syarat berikut dipenuhi:</p> <p>(a) Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan dari tarikh pembayaran yang salah/tersilap:</p> <p>(i) Peserta Pengkreditan berpuas hati sepenuhnya bahawa dana tersebut telah salah atau tersilap dikreditkan ke Akaun Pedagang;</p> <p>(ii) Peserta Pengkreditan telah memaklumkan kepada Pedagang berkenaan dengan Cadangan pendebitan Akaun Pedagang dan sebab pendebitan;</p> <p>(iii) Terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun Pedagang untuk menampung jumlah pungutan semula.</p> <p>(b) Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima antara sebelas (11) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh pembayaran salah/tersilap:</p> <p>(i) Peserta Pengkreditan berpuas hati sepenuhnya bahawa dana tersebut telah salah atau tersilap dikreditkan ke Akaun Pedagang;</p> <p>(ii) Peserta Pengkreditan telah memberikan pemberitahuan bertulis kepada Pedagang di mana pembayaran yang salah/tersilap akan dipungut semula melalui pendebitan Akaun Pedagang dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan selepas pemberitahuan tersebut melainkan jika Pedagang memberikan bukti yang munasabah untuk mengesahkan pemilikan dana yang dipersoalkan; dan</p> <p>(iii) Terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun Pedagang.</p> <p>(c) Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima selepas tujuh (7) bulan dari tarikh pembayaran salah/tersilap:</p> <p>(i) Peserta Pengkreditan mesti mendapatkan kebenaran bertulis Pedagang terlebih dahulu untuk memungut semula dana, dan Pedagang mesti memberikan persetujuannya untuk mendebitkan Akaunnya dalam tempoh sepuluh (10) Hari Perniagaan selepas menerima permintaan untuk mendebit daripada Peserta Pengkreditan.</p> |

<p>9.3 When the Merchant receives a request for consent from Crediting Participant as described in Clause 9.2(c)(i), the Merchant shall not unreasonably withhold consent to debit its Account when there is legitimate recovery of funds request.</p>	<p>9.3</p>	<p>Apabila Pedagang menerima permintaan untuk persetujuan daripada Peserta Pengkreditan seperti yang diterangkan dalam Klausa 9.2(c)(i), Pedagang tidak boleh secara tidak munasabah menahan persetujuan untuk mendebitkan Akaunnya apabila terdapat permintaan pemungutan semula dana yang sah.</p>
<p><b>10.0 UNAUTHORISED OR FRAUDULENT DUITNOW QR TRANSACTION</b></p>	<p><b>10.0</b></p>	<p><b>TRANSAKSI DUITNOW QR TANPA KEBENARAN ATAU PENIPUAN</b></p>
<p>10.1 The Crediting Participant shall inform the Merchant once the Crediting Participant receives a request to recover funds that was credited to the Merchant due to an unauthorised or fraudulent payment. The Merchant must facilitate the recovery of funds process as stated in Clause 10.2.</p>	<p>10.1</p>	<p>Peserta Pengkreditan hendaklah memaklumkan Pedagang sebaik sahaja Peserta Pengkreditan menerima permintaan untuk memungut semula dana yang telah dikreditkan kepada Pedagang disebabkan oleh pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan. Pedagang mesti memudahkan proses pemulihan dana yang dinyatakan dalam Klausa 10.2.</p>
<p>10.2 If the Merchant receives unauthorised or fraudulent payment, the Merchant shall:</p> <p>(a) Immediately take all practicable measures to prevent or block further misuse, unauthorised or fraudulently transferred funds for the benefit of the Beneficiary of Fraud;</p> <p>(b) Furnish the Crediting Participant with information, including but not limited to the name, address, contact information and/or national identity card number/ passport number to conclusively identify the Beneficiary of Fraud within seven (7) Business Days of detecting the unauthorised or fraudulent payment;</p> <p>(c) Take all practicable measures to the extent permitted by law to recover funds from the unintended recipient of funds including but not limited to reversing out credits, drawing on deposits or other financial guarantees that the Beneficiary of Fraud placed/ places with the Merchant, stopping delivery of goods, suspending services that the Beneficiary of Fraud has paid for, repossessing goods delivered to the Beneficiary of Fraud and/or taking legal action against the Beneficiary of Fraud; and</p> <p>(d) Immediately provide such information required in Clause 10.2(b) to the Crediting Participant to facilitate the Debiting Participant's investigation.</p>	<p>10.2</p>	<p>Jika Pedagang menerima bayaran tanpa kebenaran atau penipuan, Pedagang hendaklah:</p> <p>(a) Segera mengambil semua langkah praktikal untuk mencegah atau menyekat penyalahgunaan selanjutnya, pemindahan dana tanpa kebenaran atau penipuan untuk manfaat Benefisiari Penipuan;</p> <p>(b) Berikan kepada Peserta Pengkreditan maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, maklumat perhubungan dan/atau nombor kad pengenalan/nombor pasport untuk mengenal pasti secara konklusif Benefisiari Penipuan dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan selepas mengesan pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan;</p> <p>(c) Mengambil semua langkah praktikal setakat yang dibenarkan oleh undang-undang untuk memungut semula dana daripada penerima dana yang tidak disengajakan termasuk tetapi tidak terhad kepada membalikkan kredit, mengeluarkan deposit atau jaminan kewangan lain yang Benefisiari Penipuan letakkan dengan Pedagang, menghentikan penghantaran barangan, menggantung perkhidmatan yang Benefisiari Penipuan telah bayar, mengambil semula barangan yang dihantar kepada Benefisiari Penipuan dan/atau mengambil tindakan undang-undang terhadap Benefisiari Penipuan; dan</p> <p>(d) Segera berikan maklumat yang diperlukan dalam Klausa Klausa 10.2(b) kepada Peserta Pengkreditan untuk memudahkan penyiasatan Peserta Pendebitan.</p>
<p>10.3 In the event that the Crediting Participant receives a payment request from a Merchant which the Crediting Participant believes to be unauthorised or fraudulent payment, the Crediting Participant shall do the following (upon becoming aware of the suspected unauthorised payment/fraud):</p> <p>(a) The Crediting Participant shall conduct investigation to determine:</p> <p>(i) Whether the Merchant is implicated in the unauthorised payment/fraud; or</p> <p>(ii) Whether there is sufficient grounds to conclude that the Merchant is involved, or has benefited,</p>	<p>10.3</p>	<p>Sekiranya Peserta Pengkreditan menerima permintaan pembayaran daripada Pedagang yang Peserta Pengkreditan percaya adalah pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan, Peserta Pengkreditan hendaklah melakukan perkara berikut (apabila mengetahui tentang pembayaran tanpa kebenaran/penipuan yang disyaki):</p> <p>(a) Peserta Pengkreditan hendaklah menjalankan siasatan untuk menentukan:</p> <p>(i) Sama ada Pedagang terbabit dalam pembayaran tanpa kebenaran/penipuan; atau</p> <p>(ii) Sama ada terdapat alasan yang mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa Pedagang terlibat, atau telah mendapat manfaat, secara</p>

	directly or indirectly from the unauthorised payment/fraud; and		langsung atau tidak langsung daripada pembayaran tanpa kebenaran/penipuan; dan
	the Crediting Participant shall prevent or block withdrawal or any further use of the remaining funds in the Merchant's Account with the Crediting Participant until there is satisfactory resolution of Uncoverable Loss.		Peserta Pengkreditan hendaklah menghalang atau menyekat pengeluaran dan/atau penggunaan selanjutnya baki dana dalam Akaun Pedagang dengan Peserta Pengkreditan sehingga terdapat penyelesaian yang memuaskan bagi Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula.
	(b) The Merchant shall facilitate and cooperate with the Crediting Participant to complete the investigation.		(b) Pedagang hendaklah memudahkan dan bekerjasama dengan Peserta Pengkreditan untuk melengkapkan siasatan.
10.4	In the event the Merchant is responsible for unauthorised or fraudulent payment, Clause 14 shall apply accordingly.	10.4	Jika Pedagang bertanggungjawab untuk pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan, Klausula 14 hendaklah terpakai dengan sewajarnya.
11.0	<b>DISPUTE RESOLUTION</b>	11.0	<b>PENYELESAIAN PERTIKAIAN</b>
11.1	Merchant shall, in good faith, attempt to settle all disputes or conflicts with Crediting Participant arising in connection with the DuitNow QR Service amicably and by mutual agreement.	11.1	Pedagang hendaklah, dengan niat baik, cuba menyelesaikan semua pertikaian atau konflik dengan Peserta Pengkreditan yang timbul berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR secara aman dan dengan persetujuan bersama.
11.2	However, Merchant shall have the right to lodge a complaint with the DuitNow QR Owner & Operator if there are allegations of Crediting Participant's non-compliance to the DuitNow QR rules as reflected in these Terms and Conditions.	11.2	Walau bagaimanapun, Pedagang mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Pemilik & Pengendali DuitNow QR jika terdapat dakwaan ketidakpatuhan Peserta Pengkreditan kepada peraturan DuitNow QR seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
11.3	The DuitNow QR Owner & Operator shall review of such complaints and allegations in accordance with Clause 11.4.	11.3	Pemilik & Pengendali DuitNow QR hendaklah menyemak aduan dan dakwaan tersebut mengikut Klausula 11.4.
11.4	The Merchant shall have the right to refer disputes to the DuitNow QR Owner & Operator if there is an allegation of Crediting Participant's non-compliance to the DuitNow QR rules. The DuitNow QR Owner & Operator will review such complaints and allegations, but such review will be confined to:	11.4	Pedagang mempunyai hak untuk merujuk pertikaian mereka kepada Pemilik & Pengendali DuitNow QR jika terdapat dakwaan ketidakpatuhan Peserta Pengkreditan kepada peraturan DuitNow QR. Pemilik & Pengendali DuitNow QR akan menyemak aduan dan dakwaan tersebut, tetapi semakan tersebut akan terhad kepada:
	(a) Determination whether there has been non-compliance;		(a) Penentuan sama ada terdapat ketidakpatuhan;
	(b) Stipulating remedies for the Crediting Participant to correct or address the non-compliance; and		(b) Menetapkan remedi kepada Peserta Pengkreditan untuk membetulkan atau menangani ketidakpatuhan; dan
	(c) Determination if penalties are applicable for the non-compliance.		(c) Penentuan jika penalti dikenakan bagi ketidakpatuhan.
11.5	All decisions rendered by the DuitNow QR Owner & Operator in response to complaints from Merchant shall be prima facie binding on the Crediting Participant.	11.5	Semua keputusan yang dibuat oleh Pemilik & Pengendali DuitNow QR berikutan aduan daripada Pedagang hendaklah prima facie mengikat Peserta Pengkreditan.
12.0	<b>INDEMNITY</b>	12.0	<b>INDEMNITI</b>
12.1	Subject to the other party's compliance with Clause 12.2, each party ("Indemnifying Party") agrees to indemnify and hold the other party and its employees and agents harmless against any and all losses, expenses, claims, suits, demands, actions and proceedings including all reasonable legal and other related fees or charges ("Liability") which the other party may suffer or incur or for which the other party may become liable as a result of:	12.1	Tertakluk kepada pematuhan pihak satu lagi dengan Klausula 12.2, setiap pihak ("Pihak Menanggung Rugi") bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan pihak satu lagi serta pekerja dan ejennya tidak dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana dan semua kerugian, perbelanjaan, tuntutan, saman, tindakan dan prosiding termasuk kos guaman dan fi atau caj berkaitan yang lain ("Liabiliti") yang dialami atau ditanggung oleh pihak satu lagi akibat daripada mana-mana yang berikut:

- (a) Any negligence, misrepresentation or fraud on the part of the Indemnifying Party, its employees and agents with respect to the performance of its obligations or the exercise of any of its rights under these Terms and Conditions;
- (b) Any claim by a Payer, Crediting Participant, Debiting Participant, DuitNow QR Owner & Operator or any other person for any breach by the Indemnifying Party of any applicable laws;
- (c) The failure of the Indemnifying Party to observe any of its obligations under these Terms and Conditions; or
- (d) Any use of the DuitNow QR Brand by the Indemnifying Party other than as permitted by these Terms and Conditions,

except to the extent that such liability arises or is incurred by the other party by reason of any act or omission on its part mentioned in Clause 12.1(a) to (d).

- (a) Sebarang kecuaiian, salah nyata atau penipuan Pihak Menanggung Rugi, pekerja dan agennya berkenaan dengan pelaksanaan kewajibannya atau pelaksanaan mana-mana haknya di bawah Terma dan Syarat ini;
- (b) Sebarang tuntutan oleh Pembayar, Peserta Pengkreditan, Peserta Pendebitan, Pemilik & Pengendali DuitNow QR atau mana-mana orang lain untuk sebarang pelanggaran oleh Pihak Menanggung Rugi terhadap mana-mana undang-undang yang terpakai;
- (c) Kegagalan Pihak Menanggung Rugi untuk mematuhi mana-mana kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini; atau
- (d) Sebarang penggunaan Jenama DuitNow QR oleh Pihak Menanggung Rugi selain daripada yang dibenarkan oleh Terma dan Syarat ini,

kecuali setakat liabiliti tersebut timbul atau ditanggung oleh pihak satu lagi disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan pihaknya yang disebutkan dalam Klausula 12.1(a) hingga (d).

12.2 In the event a claim is made against a party in respect of which it is entitled to be indemnified pursuant to Clause 12.1, that party must:

- (a) Give notice of any such claim to the other party;
- (b) Consult with the other party in relation to any such claim; and
- (c) Not to settle any claim without obtaining the prior written consent of the other, such consent not to be unreasonably withheld.

12.2 Sekiranya tuntutan dilakukan terhadap pihak yang mana pihak tersebut berhak untuk ditanggung rugi menurut Klausula 12.1, pihak tersebut mesti:

- (a) Memberi notis tentang sebarang tuntutan sedemikian kepada pihak lain;
- (b) Berunding dengan pihak lain berhubung dengan sebarang tuntutan sedemikian; dan
- (c) Tidak menyelesaikan sebarang tuntutan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak satu lagi, kebenaran tersebut tidak boleh ditahan secara tidak munasabah.

12.3 The Crediting Participant is not liable to the Merchant for any direct or indirect consequential losses, liabilities, costs, damages, claims, actions or proceedings of any kind whatsoever suffered by the Merchant as a result of:

- (a) A missing or erroneous payment;
- (b) The failure, delay, error or disruption caused by any system failure beyond the Crediting Participant's reasonable control; and
- (c) The suspension or termination of the Merchant's access to DuitNow QR Service in accordance with these Terms and Conditions.

12.3 Peserta Pengkreditan tidak bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian secara langsung, tidak langsung atau berbangkit, liabiliti, kos, kerosakan, tuntutan, tindakan atau prosiding yang berkenaan dengan apa-apa perkara dalam apa-apa jua bentuk yang dialami oleh Pedagang akibat:

- (a) Pembayaran yang hilang atau tersilap;
- (b) Kegagalan, kelewatan, kesilapan atau gangguan yang disebabkan oleh sebarang kegagalan sistem di luar kawalan munasabah Peserta Pengkreditan; dan
- (c) Penggantungan atau penamatan akses Pedagang kepada Perkhidmatan DuitNow QR menurut Terma dan Syarat ini.

### 13.0 SUSPENSION

13.1 The DuitNow QR Owner & Operator or the Crediting Participant, as the case may be, reserve the right to suspend the Merchant's access to the DuitNow QR Service under the following circumstances, which includes, but not limited to:

### 13.0 PENGGANTUNGAN

13.1 Pemilik & Pengendali DuitNow QR atau Peserta Pengkreditan, mengikut mana-mana yang berkenaan, merizabkan hak untuk menggantung akses Pedagang kepada Perkhidmatan DuitNow QR di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- |  |   |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) The Merchant's breach of these Terms and Conditions, applicable rules, guidelines, regulations, circular or laws related to the DuitNow QR Service or any other terms and conditions that was communicated to the Merchant by the Crediting Participant;</li> <li>(b) The Merchant has inadequate operational controls or insufficient risk management processes, resulting in potential threats to the stability, integrity, safety and efficiency of the DuitNow QR Service and/or RPP; or</li> <li>(c) The Merchant is suspected on reasonable grounds that it has committed or will commit fraudulent act in connection with the DuitNow QR Service.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pedagang memungkirinya Terma dan Syarat ini, kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang terpakai yang berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR termasuk Peraturan dan terma-terma lain yang telah dimaklumkan kepada Pedagang oleh Peserta Pengkreditan;</li> <li>(b) Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi, mengakibatkan ancaman berpotensi terhadap kestabilan, integriti, keselamatan dan kecekapan Perkhidmatan DuitNow QR dan/atau RPP; atau</li> <li>(c) Pedagang disyaki atas dasar munasabah bahawa ia telah melakukan atau akan melakukan tindakan penipuan berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR.</li> </ul> |
|--|---|

**13.2 Upon suspension of the Merchant:**

- (a) The services provided to the Merchant under the DuitNow QR Service will be suspended immediately;
- (b) The Merchant must cease all promotional and advertising that is related or can be perceived to be related to the DuitNow QR Service provided by the Crediting Participant;
- (c) The Merchant shall remove all DuitNow QR Brand from the Merchant's marketing collaterals, channels and website; and
- (d) The Merchant must take all reasonable steps to comply with any directions of the Crediting Participant to minimise the impact on the Payers of the suspension or termination.

**13.2 Selepas penggantungan Pedagang:**

- (a) Perkhidmatan yang disediakan kepada Pedagang di bawah Perkhidmatan DuitNow QR akan digantung dengan segera;
- (b) Pedagang mesti menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan atau boleh dianggap berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR yang disediakan oleh Peserta Pengkreditan;
- (c) Pedagang mesti mengeluarkan semua Jenama DuitNow QR daripada kolateral, saluran dan laman web pemasaran Pedagang; dan
- (d) Pedagang mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk mematuhi mana-mana arahan Peserta Pengkreditan untuk meminimumkan kesan penggantungan atau penamatan ke atas Pembayar.

**14.0 TERMINATION**

**14.1** The DuitNow QR Owner & Operator or the Crediting Participant, as the case may be, reserve the right to terminate the services provided under these Terms and Conditions or DuitNow QR Service under the following circumstances, which includes, but not limited to:

- (a) This arrangement between the Merchant and the Crediting Participant in respect of the DuitNow QR Service is terminated or expired;
- (b) The Merchant has breached these Terms and Conditions, applicable rules, guidelines, regulations, circular, directives or laws related to the DuitNow QR Service that was communicated to the Merchant by the Crediting Participant;
- (c) The Merchant fails to remedy or take adequate steps to remedy its default under these Terms and Conditions to the satisfaction of the Crediting Participant or the DuitNow QR Owner & Operator, as the case maybe, within the timeframe specified by the Crediting Participant;
- (d) The Merchant has inadequate operational control or insufficient risk management processes, resulting in

**14.0 PENAMATAN**

**14.1** Pemilik & Pengendali DuitNow QR atau Peserta Pengkreditan, mengikut mana-mana yang berkenaan, merizabkan hak untuk menamatkan servis yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini atau Perkhidmatan DuitNow QR di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Persetujuan antara Pedagang dan Peserta Pengkreditan ini berkenaan dengan Perkhidmatan DuitNow QR telah ditamatkan atau habis tempoh;
- (b) Pedagang memungkirinya Terma dan Syarat ini, kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling, arahan atau undang-undang terpakai yang berkaitan dengan Perkhidmatan DuitNow QR yang telah dimaklumkan kepada Pedagang oleh Peserta Pengkreditan;
- (c) Pedagang gagal untuk membetulkan atau mengambil langkah yang mencukupi untuk membetulkan keingkarannya di bawah Terma dan Syarat ini kepada kepuasan Peserta Pengkreditan atau Pemilik & Pengendali DuitNow QR, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Peserta Pengkreditan;
- (d) Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak

	potential threats to the stability, integrity, safety, security and efficiency of the DuitNow QR Service and/or RPP;		mencukupi yang mengakibatkan ancaman berpotensi terhadap kestabilan, integriti, keselamatan dan kecekapan DuitNow QR dan/atau RPP;
(e)	Court order(s) affecting the Merchant or the Crediting Participant membership and/or legal status;	(e)	Perintah mahkamah yang menjejaskan keanggotaan Pedagang atau Peserta Pengkreditan dan/atau status undang-undang;
(f)	Directive(s) issued by regulatory or government authority affecting the Merchant or the Crediting Participant membership and/or legal status;	(f)	Arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan menjejaskan keanggotaan dan/atau status undang-undang Pedagang atau Peserta Pengkreditan;
(g)	The Merchant's insolvency;	(g)	Insolvensi Pedagang;
(h)	The Crediting Participant's membership in DuitNow QR, RPP or RENTAS is terminated or suspended and the Merchant has not appointed a replacement of the Crediting Participant;	(h)	Keanggotaan Peserta Pengkreditan dalam DuitNow QR, RPP atau RENTAS ditamatkan atau digantung dan Pedagang belum melantik Peserta Pengkreditan gantian; atau
(i)	Such other detrimental circumstances or reasons that the Crediting Participant or the DuitNow QR Owner & Operator considers necessary to suspend or terminate such Merchant's access to the DuitNow QR Service.	(i)	Kedadaan atau sebab lain yang memudaratkan yang Peserta Pengkreditan atau Pemilik & Pengendali DuitNow QR menganggap perlu untuk menggantung atau menamatkan akses Pedagang tersebut kepada Perkhidmatan DuitNow QR.
14.2	Upon termination of the arrangement herein the participation of the Merchant in DuitNow QR is automatically terminated and the Merchant will no longer have access to DuitNow QR and the services provided under DuitNow QR.	14.2	Selepas penamatan persetujuan ini, penyertaan Pedagang dalam DuitNow QR ditamatkan secara automatic dan Pedagang tidak akan mempunyai akses kepada DuitNow QR dan servis yang disediakan di bawah DuitNow QR lagi.
15.0	<b>CREDITING TO MERCHANT</b>	15.0	<b>PENINGKREDITAN KEPADA PEDAGANG</b>
15.1	The Crediting Participant is required to credit the Merchant's Account with funds from incoming payment instructions and make the incoming funds available for the Merchant's unencumbered use immediately except for situations where the Merchant has specifically agreed for delayed or batched posting.	15.1	Peserta Pengkreditan dikehendaki mengkreditkan Akaun Pedagang dengan dana daripada arahan pembayaran yang diterima dan dana diterima tersedia untuk kegunaan tanpa halangan oleh Pedagang dengan serta merta kecuali untuk situasi di mana Pedagang telah bersetuju secara khusus untuk pengeposan tertunda atau berkumpulan.
15.2	The Crediting Participant must make payment in full to the Merchant and shall not deduct any fees from the payment proceeds due to a Merchant, except for situations where the Merchant has specifically agreed in writing that fees can be deducted from payment instructions.	15.2	Peserta Pengkreditan perlu membuat pembayaran sepenuhnya kepada Pedagang dan tidak menolak sebarang fi daripada hasil pembayaran yang perlu di bayar kepada Pedagang, kecuali dalam situasi di mana Pedagang dengan khususnya bersetuju secara bertulis dalam arahan pembayaran untuk fi ditolak.
15.3	The Merchant acknowledges that the Crediting Participant shall, subject to giving the Merchant twenty-one (21) calendar days' prior notice in the manner deems fit by the Crediting Participant, be entitled to impose service charges or transaction fees and/or revise them from time to time in respect of the Merchant's use or access of the DuitNow QR Service or any part thereof.	15.3	Pedagang mengakui bahawa Peserta Pengkreditan, tertakluk kepada pemberian notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pedagang mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Peserta Pengkreditan, berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan atau fi transaksi dan/atau menyemakannya dari semasa ke semasa berkenaan dengan penggunaan atau pengaksesan Perkhidmatan DuitNow QR atau sebahagian daripadanya oleh Pedagang.
15.4	The Merchant shall not charge nor pass on any fees to the Payers which may arise from the use of QR Payments.	15.4	Pedagang tidak akan mengenakan atau menyerahkan pembayaran fi yang mungkin timbul daripada penggunaan Pembayaran QR kepada Permbayar.
16.0	<b>VOLUNTARY EXIT FROM DUITNOW QR</b>	16.0	<b>PENGELUARAN SECARA SUKARELA DARIPADA DUITNOW QR</b>
16.1	The Merchant may terminate their access to the DuitNow QR Service in the AEON Bank Biz Application via Payment Settings.	16.1	Pedagang boleh menamatkan akses daripada Perkhidmatan DuitNow QR melalui Aplikasi AEON Bank Biz menerusi Tetapan Pembayaran.

<p><b>17.0 PROVISION OF RECONCILIATION INFORMATION</b></p> <p>17.1 The Crediting Participant shall make available to the Merchant the following minimum information upon request for the purpose of facilitating the Merchant's reconciliation processes and accounting for payment of receipts and fees:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Reference No. or Business Message Identifier;</li> <li>(b) Payer's Name;</li> <li>(c) Recipient Reference;</li> <li>(d) Other payment details, where applicable;</li> <li>(e) Transaction amount;</li> <li>(f) Transaction date and time;</li> <li>(g) Debiting Participant's name;</li> <li>(h) Account type;</li> <li>(i) Gross total transaction value;</li> <li>(j) Total transaction volume; and</li> <li>(k) Total fees and/or commissions charged.</li> </ul> <p>17.2 The Crediting Participant shall deliver to the Merchant, the information described in Clause 17.1, at the minimum in the following manner:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Mobile application;</li> <li>(b) Internet banking;</li> <li>(c) Data files or electronic files;</li> <li>(d) Statements and/or e-statements; or</li> <li>(e) Reports, either electronic or in hardcopies.</li> </ul> <p><b>18.0 LIABILITY FOR UNRECOVERABLE LOSS</b></p> <p>18.1 For erroneous payment, mistaken, unauthorised and/or fraudulent payment that cannot be fully or partially recovered, the amount that cannot be recovered will be deemed as Unrecoverable Loss and the party causing or who could have reasonably prevented the Unrecoverable Loss will be liable to bear that loss.</p> <p>18.2 If, after completing its investigations, the Crediting Participant has reasonable grounds to believe that the Merchant could have reasonably prevented the Unrecoverable Loss, the Crediting Participant shall notify the Merchant in a manner it deems fit and shall have the right to freeze the funds in the Merchant's Account until there is satisfactory resolution of Unrecoverable Loss. The amount frozen shall be no more than the amount of the Unrecoverable Loss.</p> <p>18.3 The Merchant agrees to take all measures to recover the Unrecoverable Loss if the Unrecoverable Loss is due to its fault and/or negligence. Notwithstanding the aforesaid, the Crediting Participant shall not be prevented from taking legal action against the Merchant, to the extent permissible by law, to make good the Unrecoverable Loss incurred.</p> <p>18.4 The Crediting Participant shall fully refund fees incurred for erroneous, mistaken, unauthorised and/or fraudulent payment, if the error was not due to the Merchant except in situations where the Merchant decides to partially refund an</p>	<p><b>17.0 PENYEDIAAN PENYESUAIAN MAKLUMAT</b></p> <p>17.1 Peserta Pengkreditan perlu menyediakan kepada Pedagang sekurang-kurangnya maklumat berikut atas permintaan untuk tujuan memudahkan proses penyesuaian dan pengakaunan untuk pembayaran resit dan fi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) No. Rujukan atau Pengecam Mesej Perniagaan;</li> <li>(b) Nama Pembayar;</li> <li>(c) Rujukan Penerima;</li> <li>(d) Butiran pembayaran lain, jika berkenaan;</li> <li>(e) Jumlah transaksi;</li> <li>(f) Tarikh dan masa transaksi;</li> <li>(g) Nama Peserta Pendebitan;</li> <li>(h) Jenis akaun;</li> <li>(i) Jumlah nilai transaksi kasar;</li> <li>(j) Jumlah volum transaksi;</li> <li>(k) Jumlah keseluruhan fi dan/atau komisen yang dikenakan.</li> </ul> <p>17.2 Peserta Pengkreditan perlu menyerahkan kepada Pedagang, maklumat yang diperihalkan dalam Klausa 17.1, sekurang-kurangnya mengikut cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Aplikasi mudah alih;</li> <li>(b) Perbankan internet;</li> <li>(c) Fail data atau fail elektronik;</li> <li>(d) Penyata dan/atau e-penyata; atau</li> <li>(e) Laporan, sama ada secara elektronik atau salinan keras.</li> </ul> <p><b>18.0 LIABILITI UNTUK KERUGIAN TIDAK DAPAT DIPUNGUT SEMULA</b></p> <p>18.1 Bagi pembayaran salah, tersilap, tanpa kebenaran dan/atau penipuan yang tidak boleh sebahagiannya atau sepenuhnya dipungut semula, akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula dan pihak yang menyebabkan atau yang boleh secara munasabah menghalang Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula akan bertanggungjawab untuk menanggung kerugian tersebut.</p> <p>18.2 Jika, selepas menyelesaikan penyiasatannya, Peserta Pengkreditan mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa Pedagang boleh dengan munasabah menghalang Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula, Peserta Pengkreditan hendaklah memaklumkan Pedagang dan berhak untuk membekukan dana dalam Akaun Pedagang sehingga terdapat penyelesaian yang memuaskan berkenaan Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula. Jumlah yang dibekukan hendaklah tidak lebih daripada jumlah Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula.</p> <p>18.3 Pedagang bersetuju untuk mengambil semua langkah untuk mendapatkan semula Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula jika Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula adalah disebabkan oleh kesalahan atau kecuaiannya. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Peserta Pengkreditan tidak akan dihalang daripada mengambil tindakan undang-undang terhadap Pedagang untuk memulihkan Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.</p> <p>18.4 Peserta Pengkreditan hendaklah membayar balik sepenuhnya fi yang ditanggung untuk pembayaran yang salah, tersilap, tanpa kebenaran dan/atau penipuan, jika kesilapan itu bukan disebabkan oleh Pedagang kecuali dalam situasi di mana</p>
--	---

overpayment. If the Merchant opts to partially refund overpayments to the Payers, the Merchant shall bear the transaction fees for executing the refund.

Pedagang memutuskan untuk membayar balik sebahagian daripada lebih bayaran. Jika Pedagang memilih untuk membayar balik sebahagian daripada lebih bayaran kepada Pembayar, Pedagang hendaklah menanggung fi transaksi untuk melaksanakan pembayaran balik.

## 19.0 REPRESENTATION AND WARRANTY

## 19.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

19.1 The Merchant acknowledges and agrees that the obligation of confidentiality extends but not limited to those specified in Clause 22, the disclosure of fees and charges in these Terms and Conditions and any technology or know-how related to the service or the performance of these Terms and Conditions.

19.1 Pedagang mengakui dan bersetuju bahawa kewajipan kerahsiaan meluas kepada tetapi tidak terhadap kepada yang dinyatakan dalam Klausa 22, pendedahan fi dan caj yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini dan sebarang teknologi atau pengetahuan yang berkaitan dengan perkhidmatan atau pelaksanaan Terma dan Syarat ini.

19.2 The Merchant agrees to comply with the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA"), including any amendments made to the PDPA, in particular, the Personal Data Protection (Amendment) Act 2024 of which it is bound and shall not do any act that will cause the Crediting Participant, Debiting Participant and the DuitNow QR Owner & Operator to breach any personal data protection laws.

19.2 Pedagang bersetuju untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"), termasuk sebarang pindaan yang dibuat kepada PDPA, khususnya, Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 yang mana ia terikat dan tidak akan melakukan sebarang tindakan yang akan menyebabkan Peserta Pengkreditan, Peserta Pendebitan dan Pemilik & Pengendali DuitNow QR memungkirinya mana-mana undang-undang perlindungan data peribadi.

## 20.0 AVAILABILITY OF SERVICE

## 20.0 KEBOLEHSEDIAAN PERKHIDMATAN

20.1 The DuitNow QR Service is intended to be available seven (7) days a week, twenty-four (24) hours per day including public holidays and national holidays (except services on which the Crediting Participant specify its operating hours from time to time). The Merchant acknowledges that the Crediting Participant does not warrant that the DuitNow QR Service will be available at all times where at times part or all of the DuitNow QR Service may not be accessible due to:

20.1 Perkhidmatan DuitNow QR bertujuan untuk tersedia tujuh (7) hari seminggu, dua puluh empat (24) jam sehari termasuk cuti umum dan cuti kebangsaan (kecuali perkhidmatan di mana Peserta Pengkreditan telah menetapkan waktu operasinya dari semasa ke semasa). Pedagang mengakui bahawa Peserta Pengkreditan tidak menjamin bahawa Perkhidmatan DuitNow QR akan tersedia pada setiap masa di mana kadangkala sebahagian atau semua Perkhidmatan DuitNow QR mungkin tidak boleh diakses oleh sebab berikut:

- (a) Daily downtime where the Crediting Participant carries out maintenance works over its systems and equipment; and/or
- (b) Occasional downtime due to technical error or any reason which is unforeseeable or beyond the Credit Participant's control.

- (a) Masa henti harian di mana Peserta Pengkreditan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas sistem dan peralatannya; dan/atau
- (b) Masa henti sekali-sekala disebabkan oleh kesilapan teknikal atau sebarang sebab yang tidak dapat dijangka atau di luar kawalan Peserta Pengkreditan.

20.2 The Crediting Participant shall not be liable for the occurrence of any such downtime and/or interruption. Nevertheless, the Crediting Participant will use reasonable efforts to inform the Merchant of any interruption.

20.2 Peserta Pengkreditan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masa henti dan/atau gangguan tersebut. Walau bagaimanapun, Peserta Pengkreditan akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pedagang tentang sebarang gangguan.

## 21.0 DISCLAIMER

## 21.0 PENAFIAN

21.1 The DuitNow QR Owner & Operator and Crediting Participant shall not be liable for any claims, actions, demands, costs, expenses, losses and damages (actual and consequential) including legal costs that are incurred or suffered by the Merchant arising out of or caused by the Crediting Participant in connection with the operations and services provided by the Crediting Participant in the service. The Merchant agrees that it will communicate and resolve any dispute in relation to the aforesaid matters with the Crediting Participant.

21.1 Pemilik & Pengendali DuitNow QR dan Peserta Pengkreditan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, tindakan, permintaan, kos, perbelanjaan, kerugian dan Ganti rugi (sebenarnya dan berbangkit) termasuk kos guaman yang ditanggung atau dialami oleh Pedagang yang timbul daripada atau disebabkan oleh Peserta Pengkreditan berhubung dengan operasi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Peserta Pengkreditan dalam perkhidmatan. Pedagang bersetuju bahawa ia akan berkomunikasi dan menyelesaikan sebarang pertikaian berhubung dengan perkara yang disebutkan di atas dengan Peserta Pengkreditan.

21.2 The Merchant acknowledges that the Crediting Participant does not make any express or implied warranties including but

21.2 Pedagang mengakui bahawa Peserta Pengkreditan tidak membuat sebarang jaminan atau pernyataan tersurat atau

not limited to any warranties of title, non-infringement, merchantability, usefulness, operation, completeness, accuracy, satisfactory quality, reliability, fitness for a particular purpose in respect of DuitNow QR Service and/or the AEON Bank Biz Application and the material, information and/or functions therein.

<p>21.3 The Crediting Participant does not warrant that access to the whole or part(s) of the DuitNow QR Service and/or the AEON Bank Biz Application, the materials, information and/or the functions contained therein will be provided uninterrupted or free from errors or that there will be no delays, failures, errors or loss of transmitted information, that no viruses or other contaminating or destructive properties will be transmitted or that no damage will occur to your mobile devices and/or computer system. Except as otherwise expressly stated in these Terms and Conditions and to the extent permitted under the applicable laws and regulations, the Crediting Participant expressly disclaims any liability for errors and omissions in such materials, information and/or functions as well as delays, failure or error of access and/or transmission.</p>	<p>21.3 Peserta Pengkreditan tidak menjamin bahawa akses kepada keseluruhan atau sebahagian daripada Perkhidmatan DuitNow QR dan/atau Aplikasi AEON Bank Biz, material, maklumat dan fungsi yang terkandung di dalamnya akan disediakan tanpa gangguan atau bebas dari kesilapan atau tidak akan ada kelewatan, kegagalan, kesilapan atau kehilangan penghantaran maklumat, tidak akan berlaku virus atau pemusnahan atau kerosakan harta benda akan dihantar atau tidak merosakkan peranti mudah alih atau sistem komputer anda. Kecuali dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai, Peserta Pengkreditan dengan jelas menafikan sebarang tanggungjawab untuk kesilapan atau peninggalan dalam material, maklumat dan/atau fungsi tersebut serta kelewatan, kegagalan atau kesilapan akses dan/atau penghantaran.</p>
<p><b>22.0 CONFIDENTIALITY</b></p>	<p><b>22.0 KERAHSIAAN</b></p>
<p>22.1 The Merchant shall treat any information it receives or possess as result of this arrangement, as confidential and will not use such information other than the purpose which it was given.</p>	<p>22.1 Pedagang hendaklah menganggap sebarang maklumat yang diterima atau milik hasil daripada persetujuan ini, sebagai sulit dan tidak akan menggunakan maklumat tersebut selain untuk tujuan yang diberikan.</p>
<p>22.2 Clause 22.1 shall not apply to information which:</p> <p>(a) Is or has at the time of use or disclosure become public knowledge without any breach of these Terms and Conditions by the parties;</p> <p>(b) Is or has at the time of use or disclosure become generally known to companies engaged in the same or similar business(es) as the party on a non-confidential basis through no wrongful act of the party;</p> <p>(c) Is lawfully obtained by a party from third parties without any obligation by the party to maintain the information proprietary or confidential;</p> <p>(d) Is known by a party prior to disclosure hereunder without any obligation to keep it confidential and such information was not disclosed by other party under these Terms and Conditions;</p> <p>(e) Is independently developed by a party without reference to or use of the other party's confidential information; or</p> <p>(f) Is required to disclose or divulge by any court, tribunal, governmental or authority with competent jurisdiction or by any statute, regulation, or other legal requirement, takeover panel or other public or quasi-public body as required by law and where the party is required by law to make such disclosure. The party shall give notification as soon as practical prior to such disclosure being made.</p>	<p>22.2 Klausula 22.1 tidak akan terpakai kepada maklumat yang:</p> <p>(a) Sedang atau telah pada masa penggunaan atau pendedahan menjadi pengetahuan umum tanpa sebarang kemungkiran Terma dan Syarat ini oleh pihak-pihak;</p> <p>(b) sedang atau telah pada masa penggunaan atau pendedahan menjadi diketahui umum kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan yang sama atau serupa dengan Pedagang atas dasar tidak sulit tanpa tindakan salah seorang pihak;</p> <p>(c) diperoleh secara sah oleh seorang pihak daripada pihak ketiga tanpa sebarang kewajipan oleh pihak tersebut untuk mengekalkan maklumat proprietari atau sulit;</p> <p>(d) diketahui oleh seorang pihak sebelum pendedahan di bawah ini tanpa sebarang kewajipan untuk merahsiakannya dan maklumat tersebut tidak didedahkan oleh pihak satu lagi di bawah Terma dan Syarat ini;</p> <p>(e) dibangunkan secara bebas oleh seorang pihak tanpa merujuk atau menggunakan maklumat pihak satu lagi;</p> <p>(f) dikehendaki untuk mendedah atau membocor oleh mana-mana mahkamah, tribunal, kerajaan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atau oleh mana-mana statut, peraturan atau keperluan undang-undang lain, panel pengambilalihan atau badan awam atau separa awam lain seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan di mana seorang pihak diperlukan oleh undang-undang untuk membuat</p>

			<p>pendedahan sedemikian. Pihak tersebut hendaklah memberi pemberitahuan sebaik sahaja praktikal sebelum pendedahan tersebut dibuat.</p>
22.3	Should the Merchant receive any data and information through the DuitNow QR Service and/or the AEON Bank Biz Application which is not intended for the Merchant, the Merchant shall agree that all such data and information shall be deleted immediately and the Merchant shall immediately notify the Crediting Participant in writing without delay. The Merchant agrees that such data and information will not be used for any purpose whatsoever.	22.3	Sekiranya Pedagang menerima sebarang data dan maklumat melalui Perkhidmatan DuitNow QR dan/atau Aplikasi AEON Bank biz yang tidak dimaksudkan untuk Pedagang, Pedagang hendaklah bersetuju bahawa semua data dan maklumat tersebut akan dipadamkan serta-merta dan Pedagang hendaklah segera memberitahu Peserta Pengkreditan secara bertulis tanpa kelewatan. Pedagang bersetuju bahawa data dan maklumat tersebut tidak akan digunakan untuk sebarang tujuan sekalipun.
23.0	<b>VARIATION AND WAIVER</b>	23.0	<b>PENGUBAHAN DAN PENEPIAN</b>
23.1	Subject to Shariah and applicable laws, the Crediting Participant reserves the right to amend, change, restrict, vary, suspend or modify these Terms and Conditions including such fees and charges for the use of the DuitNow QR Service at any time, by providing the Merchant with twenty one (21) days' notice via the AEON Bank Website and/or AEON Bank Biz Application or in any manner as the Crediting Participant deems fit, and such change shall take effect from the date specified in the notice.	23.1	Tertakluk kepada Syariah dan undang-undang terpakai, Peserta Pengkreditan berhak untuk meminda, menukar, menghadkan, mengubah, mengangut atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini termasuk fi dan caj untuk penggunaan Perkhidmatan DuitNow QR pada bila-bila masa, dengan memberikan Pedagang notis dua puluh satu (21) hari melalui Laman Web AEON Bank dan/atau Aplikasi AEON Bank Biz atau mana-mana cara yang difikirkan sesuai oleh Peserta Pengkreditan, dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
23.2	Any provisions herein cannot be waived by any party except the request for waiver is made in writing and consented by the other party.	23.2	Sebarang peruntukan di sini tidak boleh diketepikan oleh mana-mana pihak kecuali permintaan untuk penepian dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh pihak yang satu lagi.
24.0	<b>SEVERABILITY</b>	24.0	<b>KEBOLEHASINGAN</b>
24.1	If the whole or any part of a provision of these Terms and Conditions is invalid, unenforceable or illegal, the invalid, unenforceable or illegal clause is to be treated as not having been included in these Terms and Conditions and the remainder of these Terms and Conditions shall continue to be effective and in force and shall not be affected in any way by the invalid, illegal or unenforceable clause.	24.1	Jika keseluruhan atau sebahagian daripada peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau melanggar undang-undang, peruntukan yang tidak salah, tak boleh dikuatkuasakan atau melanggar undang-undang tersebut akan dianggap sebagai tidak diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki peruntukan dalam Terma dan Syarat ini akan terus efektif dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa juga cara oleh peruntukan yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau melanggar undang-undang.
25.0	<b>FORCE MAJEURE</b>	25.0	<b>FORCE MAJEURE</b>
25.1	The Crediting Participant shall not be liable to the Merchant or any third party for any failure or delay on its part in performing any of its obligations or for any loss or damage (including direct or consequential) caused, or charges or expenses incurred or suffered by reason of such failure or delay, in so far as such failure or delay is occasioned by any cause beyond the control of the Crediting Participant including, but not limited to, strikes, pandemic, endemic, act of God, acts of nature, law or government regulation, fire, flood, storm, riots, power shortages or power failure, power disruption by war, sabotage or inability to obtain sufficient labour, fuel or utilities.	25.1	Peserta Pengkreditan tidak akan bertanggungjawab kepada Pedagang atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan sebarang kewajipan olehnya atau sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk secara langsung atau tidak langsung) yang disebabkan oleh, atau caj atau perbelanjaan yang ditanggung atau dialami disebabkan kegagalan atau kelewatan tersebut, setakat mana kegagalan atau kelewatan tersebut berpunca daripada apa-apa sebab yang tidak terkawal oleh Peserta Pengkreditan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mogok, pandemik, endemi, perbuatan Tuhan, perbuatan alam, undang-undang atau peraturan kerajaan, kebakaran, banjir, rebut, rusuhan, kekurangan kuasa atau kegagalan kuasa, kegagalan kuasa disebabkan oleh peperangan, sebotaj atau ketidakupayaan untuk mendapatkan tenaga kerja, bahan api atau utiliti yang mencukupi.
26.0	<b>LAW AND JURISDICTION</b>	26.0	<b>UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA</b>

26.1 These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Merchant hereby consent and irrevocably submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

26.1 Terma dan Syarat ini Adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pedagang bersetuju dan menerima tanpa boleh ditarik balik bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.